



Ruj Kami : ANM/POPA/SPP/3/6 (15)

Tarikh : 22 Ogos 2016

Semua Pegawai Pengawal,

YBhg. Tan Sri/ Datuk Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan

KOD PERAKAUNAN TAHUN KEWANGAN 2017

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia akan melaksanakan aktiviti pengemaskinian kod perakaunan tahun kewangan 2017 yang melibatkan kod profil Kementerian, Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos dan kod Program/ Aktiviti.

2. Bagi memastikan aktiviti pengemaskinian berjalan dengan lancar dan teratur, kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memastikan perkara berikut dipatuhi:

2.1 Kod Profil Kementerian/ Jabatan

Sekiranya terdapat perubahan kepada kod profil Kementerian/ Jabatan bagi tahun kewangan 2017, pengemaskinian hendaklah dikemukakan melalui Borang Profil Kod Kementerian/ Jabatan - JAN/MD 009A.

2.2 Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos

- a. Semua pewujudan, pembatalan dan pindaan perihal hendaklah dikemukakan melalui Borang Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos - JAN/MD 004A.
- b. Sekiranya terdapat perubahan pada kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos tahun kewangan 2016 yang akan digunakan bagi tahun kewangan 2017, ianya hendaklah disenaraikan dan dikemukakan melalui Borang Jadual Penukaran Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos - JAN/MD 018A. Sila pastikan kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos bagi tahun kewangan 2017 tersebut juga dimohon melalui Borang Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos - JAN/MD 004A.

2.3 Kod Program/ Aktiviti

- a. Semua pewujudan, pembatalan dan pindaan perihal kepada Program/ Aktiviti hendaklah dikemukakan melalui Borang Kod Program/ Aktiviti - JAN/MD 005A.
- b. Kementerian tidak perlu menghantar permohonan untuk mewujudkan Kod Program/ Aktiviti seperti dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017. Walau bagaimanapun, jika profil Kementerian/ Jabatan memerlukan paras terendah di peringkat sub-aktiviti, kod Program/ Aktiviti berkenaan perlu diwujudkan melalui Borang Kod Program/ Aktiviti - JAN/MD 005A.
- c. Sekiranya terdapat perubahan pada kod Program/ Aktiviti tahun kewangan 2016 yang akan digunakan bagi tahun kewangan 2017, ianya hendaklah disenaraikan dan dikemukakan melalui Borang Jadual Penukaran Kod Program/Aktiviti - JAN/MD 018B.

3. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengemukakan borang yang telah dilengkapkan seperti ketetapan berikut:

Perkara	Tarikh Akhir Penghantaran Borang
Pengemaskinian Kod Profil Kementerian/ Jabatan Tahun Kewangan 2017	23 September 2016
Pengemaskinian Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos Tahun Kewangan 2017	23 September 2016
Pengemaskinian Kod Program/ Aktiviti Tahun Kewangan 2017	4 November 2016

Penetapan tarikh ini dibuat berdasarkan keperluan aktiviti migrasi data GFMAS kepada 1GFMAS. Permohonan pengemaskinian yang dikemukakan selepas tarikh yang ditetapkan tidak akan diambil kira dalam proses migrasi data dan perlu melalui proses permohonan semula melalui sistem 1GFMAS pada tahun 2017. Selain itu, tarikh akhir bagi permohonan **pengemaskinian kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos dan kod Program/ Aktiviti bagi tahun kewangan 2016** adalah pada **15 September 2016**. Sebarang permohonan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut tidak akan diproses.

4. Borang-borang dan panduan mengisi boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Akauntan Negara di alamat <http://www.anm.gov.my>. Sila kemukakan borang yang telah dilengkapkan ke alamat berikut :

Jabatan Akauntan Negara
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 PUTRAJAYA
(u. p. : Puan Haslinda Binti Bakri)

5. Bagi Kementerian/ Jabatan yang tidak mempunyai sebarang pindaan ke atas kod perakaunan tahun kewangan 2017, pengesahan secara bertulis hendaklah dikemukakan mengikut tarikh yang telah ditetapkan di perenggan 3. Sila hubungi Seksyen Pengurusan Perakaunan Persekutuan di talian 03-8882 1518, 03-8882 1500, 03-8882 1397 atau e-mel kepada uoap@anm.gov.my untuk maklumat lanjut. Kerjasama dan tindakan segera pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Inovasi dan Integriti Merealisisi Perakaunan Akruan’

Saya yang menurut perintah,



(MOHAMAD AZMI BIN ALI C.A (M))

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

b.p Akauntan Negara Malaysia

s.k.:

Setiausaha Bahagian Kewangan/Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri